Praktis 2 Tema Buku Teks: Suluh Masa Depan

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam gambar tersebut, tulis ulasan yang panjangnya antara **80 hingga 100 patah perkataan**.

Lengkapkan perenggan yang diberikan dengan frasa yang sesuai.

Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21)

Pembelajaran berpusatkan murid | Pembelajaran digital | Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

Rangka Ulasan

Pendahuluan
Pembelajaran abad ke-21 – transformasi pendidikan

Isi 1
Bersifat interaktif – berpusatkan murid – murid memainkan peranan

Isi 2
Menekankan aspek KBAT – mampu mencipta inovasi

Isi 3
Murid berpeluang untuk meneroka – pembelajaran digital

Penutup
Selari dengan transformasi pendidikan – murid lebih berdikari

Ulasan Cemerlang

pandai meniti buih | penggerak aktiviti | kaedah pembelajaran | menyelesaikan tugasan

kemahiran berfikir | memberikan ruang | kemahiran teknologi | transformasi pendidikan

Pembelajaran abad ke-21 merupakan suatu bentuk transformasi pendidikan. Menerusi pembelajaran ini, **(1)** _____ lebih bersifat interaktif kerana berpusatkan murid. Murid memainkan peranan dalam pembentangan mahupun sebagai **(2)** _____. Selain itu, kaedah pembelajaran ini menekankan aspek **(3)** _____ aras tinggi (KBAT) murid. Apabila murid dapat menguasai kemahiran berfikir aras tinggi dengan baik, mereka mampu mencipta inovasi dalam **(4)** _____. Kaedah ini juga **(5)** _____ kepada murid untuk meneroka secara lebih mendalam melalui pembelajaran digital. Hal ini membantu murid untuk mempelbagaikan **(6)** _____ mereka dengan penggunaan *Google Classroom*, *Zoom* dan pelbagai lagi. Pembelajaran kini seharusnya selari dengan **(7)** _____ agar murid lebih berdikari seiring dengan peribahasa kalau **(8)** _____, selamat badan sampai ke seberang.

LIVEWORKSHEETS